

Pemuda Perkasa dakwa ada pihak hasut pelajar turun bendera Najib
The Malaysian Insider
19 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 19 Dis – Sayap muda Perkasa mendakwa ada pihak tertentu di belakang kumpulan mahasiswa yang didakwa menurunkan bendera wajah Datuk Seri Najib Razak di pekarangan ibu pejabat Umno di sini, kelmarin.

Ketua Wira Perkasa Irwan Fahmi berkata, perbuatan mahasiswa terbabit amat memalukan bangsa sendiri dan keluarga mereka.

“Pelajar ini tidak mewakili majoriti mahasiswa di menara gading yang memang mempunyai sikap dan pegangan perjuangan idealisme mahasiswa yang sewajarnya bertindak secara matang dan berakhlak mulia, apatah lagi mewarisi budaya Melayu yang beradab dan mengikut ajaran Islam. Budak ini kurang sopan, tidak beradab, kurang didikan agama oleh keluarganya,” kata Irwan dalam satu kenyataan mengulas insiden kelmarin.

Kata beliau, kerajaan telah pun mengumumkan bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang menjadi modal perjuangan mereka akan dipinda.

“Apa yang dikehendaki lagi kecuali ada pihak di belakang mahasiswa ini. Patutnya mereka bakar dan pijak gambar pemimpin-pemimpin yang jual agama Islam untuk tujuan politik atau pemimpin yang tidak bermoral,” katanya lagi.

Terdahulu, kumpulan mahasiswa yang menurunkan bendera wajah Najib menegaskan, mereka tidak akan memohon maaf kepada perdana menteri atas insiden itu.

Sebaliknya, pemimpin Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) dan Gerakan Menuntut Kebebasan Akademik (Bebas), yang mengadakan demonstrasi membantah AUKU sebelum insiden itu berkata, pihaknya tidak nampak perlunya mereka harus memohon maaf.

“Kami tidak akan meminta maaf. Kita tak perlu meminta maaf. Tindakan menurunkan bendera Datuk Seri Najib selama lima minit dan kemudian dinaikkan semula seharusnya dilihat sebagai satu mesej jelas mahasiswa bahawa perdana menteri perlu serius mendengar suara kami, suara rakyat” kata Pengerusi SMM Ahmad Syukri Abdul Razak ketika dihubungi The Malaysian Insider tengah hari ini.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-perkasa-dakwa-ada-pihak-hasut-pelajar-turun-bendera-najib/>